



## PEMULIHARAAN SUNGAI MENURUT ISLAM DAN APLIKASINYA DALAM KONTEKS SUNGAI TERENGGANU

*Nur Usani Anuar, Anisha Emilia Redzuan, Nur Nadia Hani Rosnan, Nur Salsabila Mohamed, Fadhillah Afiqah Rosli & Wan Mohd Yusof Wan Chik*  
[dillajune@gmail.com](mailto:dillajune@gmail.com)

Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

---

### ABSTRAK

Sungai adalah antara anugerah alam. Sejak sekian lama manusia berinteraksi dengannya dalam memastikan mereka dapat meneruskan kehidupan secara lestari. Ia adalah sumber minuman dan makanan, medium pengangkutan dan perhubungan serta sumber air untuk aktiviti pertanian dan penternakan. Begitupun, ia semakin terancam dengan pelbagai kegiatan manusia. Hal ini berlaku di seluruh dunia termasuk di negeri Terengganu Darul Iman. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengetahui konsep pemuliharaan sungai menurut Islam. Di samping itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti kaedah-kaedah pemuliharaan sungai serta mengaplikasikannya di Sungai Terengganu. Metodologi kajian ini adalah berdasarkan kajian kepustakaan iaitu menganalisis maklumat daripada buku-buku dan kajian-kajian lepas. Selain itu, pengumpulan data juga diperolehi menerusi kaedah temubual melibatkan pegawai di Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu. Kajian mendapati Islam amat menghargai sungai sehingga kehidupan syurga tidak sekali-kali dipisahkan dari gambaran sungai. Justeru Islam telah menggariskan pelbagai hukum dan adab dalam berinteraksi dengan sungai bagi memastikan ia terus dapat dinikmati oleh kehidupan secara lestari. Dalam konteks sungai Terengganu beberapa kaedah diaplikasi dan ianya nyata sejajar dengan kehendak syariat Islam dan matlamatnya. Impilkasnyai, masyarakat di sekitar sungai Terengganu perlu lebih menghayati institusi yang amat berjasa kepada komunitinya sejak zaman berzaman. Begitupun ia masih perlu dipertingkatkan lagi kaedah pemuliharaan sungai bagi memastikan sungai-sungai yang tercemar dapat digunakan semula dengan selamat. Seterusnya, terdapat beberapa kaedah pemuliharaan sungai yang dijalankan di Negeri Terengganu. Kesimpulannya, kesan aktiviti manusia menjadi satu cabaran dalam proses pemuliharaan sungai di Terengganu.

**Kata kunci:** Pemuliharaan, Sungai, Islam, Kaedah, Aplikasi

---

### Latar Belakang Kajian

Air adalah sumber utama dalam kehidupan manusia. Terdapat pelbagai jenis air semula jadi seperti, air mata air, air laut, air perigi, air embun, air hujan, salji dan air sungai. Di Malaysia, sungai merupakan salah satu sumber kehidupan kepada masyarakat. Tambahan pula, sungai memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi, sosial dan budaya. Manusia menggunakan sungai sebagai sumber minuman, pertanian,

pengangkutan dan sebagainya. Pada arus modenisasi ini, seiring dengan kepesatan pembangunan dan aktiviti sosial manusia telah mendorong kepada masalah pencemaran sungai. Meskipun masalah ini bukan suatu isu yang baru namun menjadi tanggungjawab masyarakat untuk memastikan kelestarian sungai.

Antara langkah yang perlu dilaksanakan adalah memulihara sungai tersebut. Pemuliharaan sungai merupakan satu kaedah yang dijalankan oleh pihak bertanggungjawab bagi memastikan sungai berada pada tahap yang baik dan selamat untuk digunakan. Secara umumnya, di Malaysia terdapat lebih dari satu juta kilometer persegi lembangan sungai dan kawasan dataran yang merupakan khazanah yang amat bernilai kerana terdapat pelbagai manfaat kepada manusia. Antara sungai yang terdapat di Malaysia ialah Sungai Terengganu yang berfungsi sebagai jalan pengangkutan dan merupakan satu daya tarikan pelancong. Sungai Terengganu ialah sebatang sungai yang terletak di Hulu Terengganu. Puncanya adalah dari Banjaran Pantai Timur. Meskipun, Sungai Terengganu telah tercemar namun ianya masih boleh dipulihara dengan kaedah dan teknologi terkini. Sungai merupakan harta yang tidak ternilai kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, seiring dengan kepesatan arus pembangunan, tidak dapat dinafikan wujudnya sungai yang tercemar akibat daripada aktiviti manusia. Persoalannya di sini, aktiviti manusia telah memberikan impak yang besar pada sungai khususnya sungai Terengganu. Masalah timbul apabila tahap kualiti air di sungai mula terjejas kerana terdapat segelintir penduduk sekitar melepaskan terus bahan buangan ke dalam sungai. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat konsep pemuliharaan sungai menurut Islam berdasarkan maqasid syariah. Pengkaji mengambil inisiatif ini juga untuk mengukur tahap pencemaran sungai Terengganu berdasarkan data yang diperolehi daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu. Persoalan timbul apabila masih kurang rasa kesedaran dalam masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan sungai. Pengkaji mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan proses pemuliharaan sungai yang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu.

Tuntasnya, sungai mempunyai manfaat yang besar dalam kehidupan harian manusia. Menjadi satu tanggungjawab sosial bagi kita untuk memulihara sungai agar manfaatnya dapat terus dirasakan oleh generasi akan datang. Kajian akan memberi fokus tentang

pemuliharaan sungai Terengganu berdasarkan maklumat dan data yang di peroleh daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu.

Oleh itu, objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti konsep pemuliharaan sungai menurut Islam. Hal ini kerana maqasid syariah sangat menitikberatkan matlamat kehidupan manusia. Selain itu, matlamat kajian ini juga adalah untuk menerangkan punca pencemaran sungai dan menjelaskan proses pemuliharaan sungai yang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu kerana jabatan ini berperanan dalam membaikpulih sungai yang tercemar memandangkan mereka lebih mengetahui punca berlakunya pencemaran sungai di Terengganu.

Berdasarkan buku Islam, Pemuliharaan Hidupan Liar dan Anda karya Rosmidzatul Azila Mat Yamin dan Abu Bakar Yang,<sup>1</sup> buku ini memberi pemahaman dan memupuk kesedaran dalam masyarakat berkaitan kepentingan alam sekitar dan kepelbagaian spesies yang terdapat dalam ekosistem. Buku ini mengetengahkan pendekatan Islam untuk memupuk sifat cinta akan alam sekitar dalm diri masyarakat.

Menurut Prof. Dr. Mohd Yusof bin Haji Othman dalam karyanya yang bertajuk Pemuliharaan Alam Semulajadi<sup>2</sup> menjelaskan kepentingan pemuliharaan alam tabii iaitu alam semulajadi bagi pembangunan sesebuah tamadun dan peradaban manusia. Selain itu, buku ini menyatakan maksud proses pemuliharaan semulajadi adalah proses memulihara dan memelihara alam ini agar tidak rosak dan mencemarkan. Seterusnya, buku ini menekankan beberapa konsep asas yang perlu ada oleh setiap insan. Konsep tersebut termasuklah konsep agama, alam semulajadi, manusia, ilmu, kebijaksanaan, keadilan, beramal, adab dan akhlak.

Di dalam buku “Konsep Islam terhadap pemuliharaan Alam Sekitar” karangan Norhibah Hasan Zawawi<sup>3</sup> telah menjelaskan tentang kaitan antara alam sekitar dan tuntutan Islam. Di dalam buku ini telah menerangkan kepentingan menjaga alam sekitar terhadap kehidupan manusia seperti buku ini telah membincangkan konsep alam sekitar sebagai

---

<sup>1</sup> Rosmidzatul Azila Mat Yamin dan Abu Bakar Yang, *Islam, Pemuliharaan Hidupan Liar dan Anda*, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Tabung Alam Malaysia(WWF-Malaysia), 2012

<sup>2</sup> Prof. Dr. Mohd Yusof bin Haji Othman, *Pemuliharaan Alam Semulajadi*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Jabatan Perdana Menteri, 2008

<sup>3</sup> Norhibah Hasan Zawawi, *Konsep Islam terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999

tempat mencari rezeki. Disamping itu, konsep Islam juga dititik berat bagi memastikan pemuliharaan sungai itu berteraskan konsep Islam. Penulis juga telah menyatakan faktor pencemaran alam sekitar yang boleh membahayakan manusia atau spesies-spesies yang lain.

Manakala, di dalam buku yang bertajuk “Allah dan Sains Moden” karya Abdul Razak Noufal<sup>4</sup> membincangkan mengenai fenomena yang berlaku berkaitan dengan perairan. Juga berkenaan dengan keajaiban ciptaan hidupan lautan yang dikaji oleh saintis yang mana ianya selari dengan pernyataan di dalam al-Quran. Penulis juga ada menyatakan kepentingan air kepada manusia dan kegunaan harian manusia sejagat sepanjang peredaran zaman. Selain dari kepentingannya yang digunakan untuk keperluan diri, penulis menyatakan kekuatan lautan termasuklah bencana alam seperti tsunami, banjir, ombak keras dan sebagainya yang mana boleh mengancam nyawa.

Seterusnya Mohamed bin Jusoh dalam karyanya “Prinsip Utama Makanan Dan Minuman Dalam Islam”<sup>5</sup> menekankan tentang peraturan yang tertentu dalam memilih makanan dan minuman bagi mengelakkan daripada benda yang meragukan. Selain daripada menjelaskan tentang air yang boleh diminum, beliau turut menyebut tentang air boleh digunakan untuk bersuci seperti mengangkat air wuduk. Sebagai contoh, air-air perahan yang diperolehi dari tumbuhan tidak boleh digunakan untuk bersuci kerana bukan air mutlak. Walau bagaimanapun, buku ini lebih menekankan bab makanan berbanding air. Pengkaji mendapati buku ini membantu pengkaji mengumpul maklumat tentang peranan air dalam kehidupan manusia meskipun maklumat yang diberikan hanya sedikit.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian merupakan satu langkah pengumpulan data dan tatacara untuk memperolehi maklumat kajian yang dilakukan oleh pengkaji bagi memastikan kajiannya menggunakan cara yang betul dan sistematik. Sesuatu kajian ilmiah yang dijalankan perlu mempunyai metodologi kajian yang cekap serta mempunyai rujukan yang banyak serta rujukan yang berkaitan supaya mencapai matlamat kajian.

---

<sup>4</sup> Abdul Razak Noufal, *Allah dan Sains Moden*, Jasmin Enterprise, 2005

<sup>5</sup> Mohamed bin Jusoh, *Prinsip Utama Makanan Dan Minuman Dalam Islam*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggabungkan dua bentuk asas kajian bagi menghasilkan dapatan yang lebih berkualiti dan boleh dipercayai. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan kuantitatif kerana berdasarkan persoalan kajian ini pengkaji lebih cenderung kepada kedua-dua bentuk kajian. Pendekatan kajian kualitatif ia lebih kepada kaedah mengumpul data berdasarkan bahan yang sedia ada. Disamping itu, kaedah ini fokus utamanya adalah kajian perpustakaan yang telah menambah mengumpul maklumat mengenai pemuliharaan sungai seperti dalam buku ilmiah, jurnal, artikel, internet dan sebagainya.

Manakala, pendekatan kajian kuantitatif pula merupakan satu kajian umumnya menggunakan analisis statistic dan ia bersifat objektif serta memerlukan hasil yang betul-betul dapat mencapai objektif kajian itu tersendiri. Kaedah kajian ini telah membantu penulis dalam mencari dan mendapatkan data yang terdapat dalam persoalan kajian dengan tepat. Antara bentuk kajian ini yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah temu bual.

## **Jenis Kajian**

### **Kajian perpustakaan**

Kaedah ini adalah kaedah paling berhasil yang telah digunakan. Hasil dari kajian perpustakaan banyak membantu kajian ini dalam mencari bahan atau idea tentang konsep pemuliharaan sungai seperti dalam buku *Pemuliharaan Alam Semulajadi* yang menyatakan beberapa proses pemuliharaan alam sekitar dan faktor berlakunya pencemaran. Selain itu, kajian ini dapat meluaskan pengetahuan berkaitan dengan pemuliharaan sungai dalam konteks Islam yang telah diaplikasikan dalam kehidupan seharian manusia seperti dalam buku *Islam, Pemuliharaan hidupan liar dan anda* yang telah menyentuh beberapa aspek keagamaan dalam pemuliharaan alam semulajadi.

### **Metod Pengumpulan Data**

Dalam penyelidikan kualitatif, penganalisa data merangkumi penyediaan data seterusnya melakukan penganalisan data untuk memperolehi maklumat. Dalam kajian ini, penulis telah melakukan beberapa kaedah untuk mendapatkan data bagi menambah maklumat dalam mengembangkan kajian ilmiah ini.

## Temu Bual

Kaedah ini telah membuktikan bahawa kajian ini berhasil dan berkualiti kerana pengkaji telah membuat temubual dengan Khalilurrahman Bin Mohamad@Abd Aziz beliau merupakan penolong jurutera unit pengurusan lembaga sungai di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Terengganu. Bagi mendapat data serta maklumat yang berkaitan dengan punca pencemaran dan kaedah pemuliharaan sungai Terengganu. Di samping itu juga, pengkaji dapat mengambil maklumat secara terus dengan Jabatan tersebut.

## Dapatan dan Perbincangan

### Konsep Pemuliharaan Sungai Menurut Islam

Pemuliharaan sungai merupakan satu aspek yang sangat penting dan amat dititikberatkan dalam Islam. Hal ini kerana, penjagaan dan pemuliharaan sungai perlu diwujudkan bagi menjamin keharmonian dan keselesaan dalam kehidupan seharian.<sup>6</sup> Selain itu, Islam juga menekankan kebersihan dalam seluruh aspek kehidupan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap insan untuk menjaga kebersihan sungai bagi memastikan kelestarian sungai. Hal ini kerana, sungai merupakan salah satu punca bekalan air bersih yang digunakan untuk beribadat. Seterusnya, Islam juga melarang manusia melakukan kerosakan terhadap alam sekitar termasuklah sungai. Berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksud: Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan dikabulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik.

(Surah Al-A'raf : 56)

Pemuliharaan sungai merupakan salah satu tuntutan *daruriyat* dalam penjagaan nyawa. Hal ini kerana, air yang bersih dapat menjamin kesihatan dan kesejahteraan masyarakat

<sup>6</sup> <http://nehapmalaysia.moh.gov.my/wp-content/uploads/2016/03/Paper-1-Penjagaan-dan-Kesihatan-Alam-Sekitar-dari-Perspektif-Islam-9-Jun-2015.pdf> ( 15 Oktober 2019 )

dalam menjalani kehidupan seharian. Tambahan pula, sungai merupakan nadi kehidupan manusia kerana berdasarkan hasil kajian, makhluk-makhluk hidup yang berbeza-beza membuktikan bahawa air adalah 80 hingga 90 peratus dari berat badannya.<sup>7</sup> Oleh itu, air merupakan unsur-unsur utama pada makhluk hidup.

### **Punca Pencemaran Sungai Terengganu**

Berdasarkan temu bual bersama penolong jurutera bahagian pengurusan pembangunan sungai di Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu (JPS), kami mendapati antara punca yang menyebabkan berlakunya pencemaran sungai di negeri Terengganu adalah kerana dua faktor utama ini. Faktor yang pertama ialah kerana perbuatan manusia itu sendiri yang mana penempatan mereka yang berada di persisiran sungai. Faktor yang kedua adalah disebabkan oleh fenomena semula jadi.

Kegiatan manusia yang menjadi faktor utama kepada pencemaran sungai ini antaranya adalah kes yang baru berlaku di Setiu, Terengganu pada 3 Oktober 2019 yang mana aktiviti pertanian ladang sawit dan padi dimana mereka merembeskan terus air siraman padi yang menyebabkan air yang bercampur dengan baja yang mengandungi racun terus mengalir ke sungai. Hal ini menyebabkan ikan sangkar yang ditenak di dalam sungai mati akibat keracunan. Walau begitu, penternakan ikan sangkar itu sendiri juga menyebabkan pencemaran sungai disebabkan oleh makanan ikan namun ianya bebas dari bahan kimia.

Selain itu, sistem kumbahan yang disalur terus ke dalam sungai oleh penduduk yang mana penempatan mereka berada di pesisiran sungai tanpa mengambil kira kesan yang akan berlaku. Disamping itu, Aktiviti pembalakan dan pengambilan pasir menyebabkan hakisan pada tebing sungai menjadi kesan terhadap kualiti air. Oleh kerana punca utama adalah kerana aktiviti manusia itu sendiri masyarakat hendaklah mengambil berat tentang kebersihan sungai dengan tidak mempergiatkan lagi aktiviti yang menyebabkan pencemaran sungai berlaku.

Seterusnya, faktor semula jadi yang menyumbang kepada punca pencemaran sungai ini seperti hujan lebat sehingga berlakunya banjir yang menyebabkan terperangkapnya sampah yang berada di daratan dibawa oleh arus banjir mengalir ke dalam sungai

---

<sup>7</sup> Abdul Razak Noufal, *Allah dan Sains Moden*, Jasmin Enterprise, 2005

menyebabkan sungai tercemar. Manakala, Ribut yang menyebabkan pokok-pokok yang berada di persisiran sungai itu tumbang lalu sisa-sisa dari pokok itu menyebabkan sungai tercemar.

### Kaedah Pemuliharaan Sungai Terengganu



#### Kerja mendalamkan muara sungai

- Bagi mendalamkan sungai kerajaan telah memberikan tanggungjawab kepada syarikat swasta yang berminat untuk mengorek pasir. Pasir yang biasanya menjadi mendapan boleh dijual dan didapati pasir yang dikeluarkan di sungai Terengganu bermutu tinggi



#### Penstabilan tebing

- Bagi mengekalkan kestabilan sungai, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu antara jabatan yang bertanggungjawab dalam hal ini. Proses menyimen tebing sungai telah dijalankan untuk mengelakkan hakisan yang boleh memusnahkan sungai. selain itu, bagi mengelakkan hakisan sungai daripada berlaku, kerajaan turut membina sangkar batu di tebing sungai.



#### Pembersihan sungai

- Pembersihan sungai dilakukan untuk mencegah sampah sarap terus masuk ke sungai terengganu. Oleh yang demikian, pemasangan perangkap sampah telah di pasang di hilir sungai bertujuan untuk sampah sarap besar seperti botol-botol, plastik tidak dibawa terus masuk ke dalam sungai. pembersihan tebing turut dilakukan dengan menebang pokok-pokok besar yang berpotensi mencemarkan sungai. selain itu, tender turut dibuka bagi memberi laluan syarikat swasta yang menguruskan pembersihan di tebing sungai dan kawasan sekitarnya.



Sebelum



Semasa  
(Proses Pemuliharaan Sungai)



Selepas



Jadual Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi Pemuliharaan Sungai

Tahun	Peruntukan	Jumlah Kerja
2017	RM 12j	243
2018	RM 8j	43
2019	RM 6j	139

Berdasarkan jadual diatas, peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap penjagaan sungai. Perbezaan jumlah peruntukan dari tahun ke tahun menunjukkan keberkesanan usaha kerajaan dalam menjaga kelestarian sungai kerana berdasarkan jadual jumlah gerak kerja pemuliharaan sungai berkurang dari 2017 hingga 2019. Walaupun peruntukan yang diberikan oleh kerajaan semakin berkurang namun, pihak jabatan masih menjalankan aktiviti pemuliharaan sungai berdasarkan keadaan sungai tersebut tidak hanya mengambil kira faktor peruntukan yang diberikan oleh kerajaan.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, pemuliharaan sungai merupakan satu kaedah yang sangat penting bagi memastikan sungai dalam keadaan selamat digunakan. Lantaran itu, langkah ini bertepatan dengan tuntutan Islam yang menganjurkan umatnya untuk memelihara dan memulihara sungai daripada tercemar. Terdapat beberapa kaedah yang dijalankan bagi memulihara sungai sebagaimana yang telah dijelaskan di atas yang bertujuan untuk memastikan sungai berada dalam keadaan yang selamat. Oleh yang demikian, setiap individu hendaklah bertanggungjawab untuk menjaga sungai dan menyedari kepentingan sungai dalam kehidupan.

### **Rujukan**

- A.R.Agwan. (1997). *Islam and the Environment*. Kuala Lumpur: Synergy Books International.
- Dr. M. Fakhurrrazi, D. A. (n.d.). *Islam & Pemeliharaan Sungai*. International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, Global Environment Centre.
- Jusoh, M. b. (n.d.). *Prinsip Utama Makanan & Minuman dalam Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Nasir, A. H. (2005). *Lembangan Sungai dalam Peradaban Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Naufal, A. R. (2005). *Allah dan Sains Moden*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Othman, P. D. (2008). *Pemuliharaan Alam Semulajadi*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Jabatan Perdana Menteri.
- Sarji, A. (2005). *Sekadar Berpendapat*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Yang, R. A. (2012). *Islam, Pemuliharaan Hidupan Liar & Anda*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) & Tabung Alam Malaysia (WWF-Malaysia).

Zakaria, P. N. (2009). *Sistem Saliran Bandar Mapan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Zawawi, N. H. (1999). *Konsep Islam terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

<http://jpsweb.terengganu.gov.my/index.php/ms/> (13 Oktober 2019)

<http://nehapmalaysia.moh.gov.my/wp-content/uploads/2016/03/Paper-1-Penjagaan-dan-Kesihatan-Alam-Sekitar-dari-Perspektif-Islam-9-Jun-2015.pdf> ( 15 Oktober 2019 )

<https://buletinonline.net/v7/index.php/muara-cetek-ancam-nyawa-nelayan/> (15 Oktober 2019)

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/12/295388/kerja-baiki-hakistan-tebing-bermula> (15 Oktober 2019)

Khalilurrahman Bin Mohamad@Abd Aziz, di Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu, Wisma Negeri Terengganu, 14 Oktober 2019.